

25/04/2003

Projek mega ditangguh keang tekanan ekonomi

KERAJAAN mungkin menangguhkan pelaksanaan beberapa projek mega di seluruh negara bagi mengekang tekanan ekonomi berikutan kesan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan perang Iraq, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Itu kemungkinan, kita kena tengok dulu," kata Pemangku Perdana Menteri selepas melancarkan Akademi Taman Teknologi Malaysia (TPM), di Kuala Lumpur, semalam.

Difahamkan, kerajaan akan membuat keputusan sama ada menangguhkan pelaksanaan projek besar itu akan diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi tambahan yang mungkin diumumkan bulan depan.

Abdullah yang juga Pemangku Menteri Kewangan berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kembali bertugas pada 5 Mei ini selepas bercuti dua bulan, akan mengumumkan butiran lanjut pakej rangsangan itu.

Pengumuman pakej rangsangan tambahan itu sudah ditangguhkan sebanyak tiga kali. Sebelum ini, ia dijangka diumumkan pada akhir Februari, tetapi ditangguhkan kepada Mac dan kemudiannya pada 7 April lalu.

Abdullah berkata, Perdana Menteri juga akan mengeluarkan unjuran terbaru Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang disemak semula. Bagaimanapun, beliau enggan memberi sebarang bayangan angka unjuran terbaru itu.

KDNK negara diunjurkan tumbuh 4.5 peratus tahun ini. Unjuran pertumbuhan pernah dikurangkan sekali tahun ini iaitu daripada sasaran asal enam hingga 6.5 peratus bulan lalu. Tahun lalu, negara mencatatkan pertumbuhan 4.2 peratus.

Ditanya sama ada perbelanjaan untuk pakej rangsangan tambahan itu akan menyamai jumlah pakej diumumkan oleh kerajaan Hong Kong iaitu sebanyak AS\$1.5 bilion, beliau berkata, pihaknya akan meneliti terlebih dulu.

Bagaimanapun, penganalisis berkata pakej yang akan diumumkan itu mungkin membabitkan perbelanjaan di antara RM3 bilion dan RM5 bilion.

"Kita sudah merumuskan beberapa perkara dalam pakej bagi merangsang ekonomi ini dan ada maklumat tambahan baru yang hendak dimasukkan," katanya.

Beliau berkata pihaknya juga sudah mengadakan dialog dengan pemimpin korporat swasta Isnin lalu bagi mendapat pandangan selain Menteri Perdagangan Antarabangsa Datuk Seri Rafidah Aziz mengadakan dialog dengan pekilang.

Abdullah berkata, hasil yang didapati penting untuk dikaji bagi melihat

sama ada pandangan yang diutarakan itu boleh dijadikan sebagai ramuan untuk ditentukan secara terperinci dalam pakej rangsangan itu.